

For immediate release

## **MEDIA STATEMENT**

### **IDEAS: Malaysia's deteriorating score in CPI 2020 demonstrates the need to prioritise the National Anti-Corruption Plan (NACP) implementation**

**Kuala Lumpur, 29 January 2021:** The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is concerned by the fall in Malaysia's rank and score in the Corruption Perceptions Index (CPI) 2020. 2020 was a difficult year, with ⅔ of countries scoring lower than 50/100. Regardless of this, Malaysia's disappointing performance is a signal for the country to refocus and prioritise institutional reforms as well as the implementation of the National Anti-Corruption Plan (NACP).

"Transparency-International Malaysia (TI-M) clearly highlighted the stall in institutional reforms as a possible influencing factor of the fall in both rank and score. Despite the Prime Minister ensuring full commitment to fulfill the NACP, we have not seen any significant steps towards its implementation. We call on the government to provide us a concrete implementation plan for the NACP moving forward.

"Furthermore, progress on the Political Funding and Government Procurement Acts has halted, and the IPCMC's watering down was also criticised by civil society groups. The government needs to place utmost priority on these reforms, or our CPI will continue to suffer. This erodes public trust in our institutions, which in turn affects business sentiment and investor confidence," comments Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

COVID-19's impact worldwide has further underscored the need for transparency and good governance practices. "The CPI 2020 shows that persistent corruption undermines healthcare systems and contributes to democratic backsliding around the world. In Malaysia, not only has power struggles contributed to a surge in Covid-19 infections, as was seen after the Sabah state elections, frustration has also been brewing due to the unequal application of punishments for breaching SOPs. What is more worrying, Parliament has also been suspended because of the Emergency Declaration. I am very concerned that COVID-19 has been continually used as a reason to undermine the rule of law and weaken checks and balances in Malaysia's democracy," adds Tricia.

IDEAS urges the government to pay close attention to the CPI results and to take concrete action in implementing the recommendations made by TI-M. Fighting corruption should always be the priority of any country, and it is especially imperative now when good governance standards correlate directly with public health and building back the economy.

--- END ---

### **About IDEAS**

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges based on the principles of rule of law, limited government, free market and free individuals. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

### **For enquiries, please contact:**

Amir Ridzuan Jamaludin  
Assistant Manager, External Relations  
+603 2070 8881/8882  
[amir@ideas.org.my](mailto:amir@ideas.org.my)

Aira Azhari  
Manager, Democracy and Governance Unit  
+603 2070 8881/8882  
[aira@ideas.org.my](mailto:aira@ideas.org.my)

Untuk siaran segera

## Kenyataan Media

### **IDEAS: Skor Malaysia yang merosot dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2020 buktikan keperluan untuk memberikan keutamaan kepada melaksanakan Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP)**

**Kuala Lumpur, 29 Januari 2021** - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merasa gusar dengan kejatuhan skor dan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2020. Tahun 2020 merupakan tahun yang sukar, dengan 2/3 negara seluruh dunia mendapat skor lebih rendah daripada 50/100. Sungguh pun begitu, prestasi mengecewakan Malaysia ini merupakan satu isyarat kepada negara untuk kembali memberikan tumpuan dan mengutamakan pembaharuan institusi serta pelaksanaan Pelan Antirasuah Kebangsaan (NACP).

“Transparency International-Malaysia (TI-M) dengan jelas menggariskan penangguhan pembaharuan institusi sebagai satu faktor yang mempengaruhi kemerosotan dalam kedua-dua kedudukan dan skor. Walaupun usaha Perdana Menteri dalam memastikan komitmen penuh untuk memenuhi pelaksanaan NACP, kami tidak melihat sebarang langkah penting ke arah pelaksanaannya. Kami menyeru pihak kerajaan untuk memberikan satu pelan pelaksanaan yang konkrit supaya NACP ini maju ke hadapan.

“Tambahan pula, kemajuan berkenaan Akta Pendanaan Politik dan Perolehan Kerajaan telah terhenti, dan pengurangan kuasa Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) telah mendapat kritikan dari kumpulan-kumpulan masyarakat sivil. Pihak kerajaan perlu meletakkan keutamaan tertinggi kepada pembaharuan-pembaharuan ini, atau kedudukan Indeks Persepsi Rasuah kita akan terus merosot. Hal ini telah menghakis kepercayaan awam terhadap institusi-institusi negara, lalu akan memberi kesan kepada sentiment perniagaan dan keyakinan para pelabur,” ulas Ketua Pegawai Eksekutif IDEAS, Tricia Yeoh.

“Kesan COVID-19 serata dunia telah menekankan lagi keperluan terhadap ketelusan dan amalan tadbir urus baik. Indeks Persepsi Rasuah 2020 menunjukkan bahawa rasuah yang berterusan melemahkan system penjagaan kesihatan dan menyumbang kepada kemunduran demokrasi di seluruh dunia. Di Malaysia, bukan sahaja perebutan kuasa telah menyumbang kepada peningkatan jangkitan COVID-19, seperti yang dilihat selepas Pilihan Raya Negeri Sabah, malah kekecewaan juga kelihatan kerana hukuman pelanggaran tatacara pengendalian piawai (SOP) yang berat sebelah. Lebih merisaukan, Parlimen juga telah digantung kerana Pengisytiharan Darurat. Saya merasa amat gusar COVID-19 berterusan digunakan sebagai alasan untuk melemahkan kedaulatan undang-undang serta semak dan imbang dalam demokrasi Malaysia,” tambah Tricia.

IDEAS menggesa kerajaan untuk memberi sepenuh perhatian terhadap keputusan Indeks Persepsi Rasuah dan mengambil tindakan tegas dalam melaksanakan saranan yang dikemukakan oleh TM-I. Menentang rasuah harus menjadi keutamaan kepada mana mana negara, dan amat mustahak pada ketika ini terutamanya tatkala piawaian tadbir urus baik berhubungkait secara langsung dengan kesihatan awam serta membina semula ekonomi.

--- TAMAT ---

### **Mengenai IDEAS**

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam berdasarkan kepada prinsip kedaulatan undang-undang, kerajaan terhad, pasaran bebas, dan kebebasan individu. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati [www.ideas.org.my](http://www.ideas.org.my).

### **Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

Amir Ridzuan Jamaludin  
Penolong Pengurus, Perhubungan Luar  
+603 2070 8881/8882  
[amir@ideas.org.my](mailto:amir@ideas.org.my)

Aira Azhari  
Pengurus, Unit Demokrasi dan Tadbir Urus  
+603 2070 8881/8882  
[aira@ideas.org.my](mailto:aira@ideas.org.my)